

Arab Saudi perkenal sistem 'Haji Pintar'

B/H

B/H

28/03/2018
M/S 4

KERETA API BERKELAJUAN TINGGI HARAMAIN

Kereta api berkelajuan tinggi pertama Arab Saudi, Haramain Express, akan hubungkan Makkah dengan Madinah dalam tempoh kurang dua jam, sekali gus mengurangkan pencemaran serta kesesakan lalu lintas.

Membabitkan 35 kereta api buatan Sepanyol, khusus bagi iklim padang pasir

Penutup pintu bertetulang dan penapis udara menghalang kemasukan habuk

➔ Teknologi moden mudah urusan, tingkat keselesaan jemaah di Tanah Suci

Daripada **A Jalil Hamid**
jalil@nstp.com.my

► Makkah

**DR ABDULFATTAH
SULIMAN MASHAT**

Dilantik sebagai
Timbalan
Menteri Haji
dan Umrah,
Arab Saudi pada
Oktober tahun lalu.



Berusia 51 tahun, beliau pernah menjadi Presiden

masi haji dan umrah adalah sebahagian daripada Wawasan 2030 Arab Saudi selaku pusat dunia Islam dan Penjaga Dua Masjid Suci.

“Satu daripada kerangka utama Transformasi Nasional ialah bagai mana untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada tetamu Allah.” katanya.

Katanya, inisiatif lain termasuk meningkatkan infrastruktur berkaitan termasuk membina trem dan pengangkutan awam lain serta perumahan baharu di Mina.

Beliau berkata, lapangan terbang baharu Jeddah akan dibuka selepas



Peniup diletak rapat di tayar bagi membersihkan pasir dari landasan

Madinah

Jarak laluan : 453 km

Bandar Raya Ekonomi Raja Abdullah

ARAB SAUDI

Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz
*Laluan jajaran menjadi pintu masuk utama bagi jemaah haji.

Makkah

Jeddah

LAUT MERAH

- Kelajuan maksimum: 300 km/j
- Panjang kereta api: 215 meter (13 gerabak)
- Kapasiti penumpang: 417 tempat duduk
- Tahan haba: Sehingga 50° Celsius



Jemaah Malaysia yang berhasrat menunaikan haji dan umrah bakal menikmati pelbagai kemudahan menerusi pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan Arab Saudi.

Ia termasuk sistem berteknologi tinggi terkini bagi pelepasan imigresen di lapangan terbang yang mengurangkan masa menunggu dari dua jam seperti sekarang kepada 10 minit, di samping pengenalan kereta api berkelajuan tinggi.

Timbalan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr Abdulfattah Suliman Mashat, berkata masa menunggu di lapangan terbang ketika ini tidak boleh diterima sama sekali.

"Ketika ini, kami perlu memeriksa setiap pasport secara manual. Pada masa akan datang, anda boleh menggunakan Pengealan Frekuensi Radio (RFID) di pintu elektronik dan terus menaiki bas serta kereta api ke hotel.

"Kami ingin memperkenalkan konsep 'Smart Haj' atau 'Haji Pintar'. Masa menunggu dipendekkan dan mulai tahun ini, beberapa proses baharu akan dilaksanakan.

Naik taraf sistem

"Kami rancak menaik taraf proses membabitkan bagasi, pasport dan laluan ke lapangan terbang," katanya kepada kumpulan pengarang Malaysia di sini, semalam.

Dalam wawancara eksklusif itu, Abdulfattah yang juga Pemangku Menteri Haji dan Umrah, menyatakan pujian terhadap Tabung Haji atas rekod cemerlang agensi itu menguruskan jemaah.

Bekas ahli akademik yang dilantik ke jawatan itu Oktober tahun lalu berkata, kerajaan Arab Saudi mengekalkan keseluruhan kuota haji tahun ini seperti tahun lalu.

"Kami mempunyai pengalaman baik dengan Malaysia dari segi latihan dan pengurusan haji," katanya yang memberi penarafan 9.5 daripada 10 kepada Tabung Haji.

Kerajaan Arab Saudi merancang untuk melaksanakan visa E-Hajj di seluruh dunia mulai tahun ini, selepas kejayaan projek perintis di Malaysia.

Jemaah haji Malaysia dijadikan kumpulan perintis menguji sistem

Universiti Jeddah (UJ) selama setahun tiga bulan sebelum dilantik sebagai Timbalan Menteri.

Terdahulu, beliau menyandang jawatan Naib Presiden Pembangunan selama tiga tahun di Universiti King Abdulaziz (KAU), selain pernah menjadi Dekan Fakulti Komputer dan Teknologi Maklumat di pusat pengajian sama.



Bukti Konsep (POC) bagi pelepasan awal sebelum berangkat ke Arab Saudi.

Arab Saudi mencatat kejayaan menerusi pelaksanaan sistem visa E-Hajj dengan Malaysia, India dan Indonesia serta beberapa negara lagi.

Abdulfattah turut menggariskan beberapa langkah utama ke arah meningkatkan perkhidmatan haji dan umrah demi kesejahteraan jemaah.

Beliau berkata, semua langkah berkenaan adalah sebahagian daripada pengisian Wawasan 2030 Arab Saudi ke arah memodenkan negara itu dan menarik lebih ramai jemaah.

Sasarannya ialah meningkatkan bilangan jemaah umrah kepada 30 juta orang setahun menjelang 2030, berbanding tujuh juta ketika ini, di samping menambah jemaah haji kepada 4.5 juta berbanding tiga juta seperti sekarang bagi tempoh sama.

Bercakap kepada media di lobi hotel mewah menghadap Masjidil Haram, Abdulfattah berkata transformasi

Ramadan manakala kereta api berkelajuan tinggi 'Ekspres Haramain' bernilai AS\$16 bilion mungkin memulakan operasi komersial tahun ini.

"Kereta api berkenaan kini menjalani pemeriksaan keselamatan dan kesediaan operasi peringkat akhir," katanya.

Ekspres Haramain direka untuk mencapai kelajuan sehingga 360 kilometer (km) sejam.

Projek yang turut dikenali sebagai 'Kereta Api Barat' atau 'Kereta Api Berkelajuan Tinggi Makkah-Madinah' itu merangkumi jarak sejauh 453km.

Perjalanan lebih selesa

Ia menghubungkan Madinah dan Makkah menerusi Bandar Raya Ekonomi Raja Abdullah (KAEC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, merangkumi laluan utama sepanjang 449.2km dan jajaran penghubung 3.75km ke lapangan terbang.

Perkhidmatan itu dijangka memanfaatkan sehingga 60 juta penumpang setahun, termasuk jutaan jemaah haji dan umrah. Pembinaannya dimulakan pada Mac 2009.

Dengan kelajuan operasi 300km sejam, kereta api itu akan mengurangkan masa perjalanan antara Makkah dan Madinah kepada kurang dua jam, berbanding enam jam menaiki bas.

Abdulfattah berkata, kerajaan Arab Saudi akan memulakan projek perumahan mesra alam di Mina.

Setiap blok mengandungi bangunan empat tingkat yang dilengkapi kemudahan penuh dan boleh menempatkan sehingga 4,000 jemaah.

Beliau berkata, bilangan jemaah terpaksa dihadkan setiap tahun berikutan penempatan terhad di Mina.

Kerajaan Arab Saudi turut melaksanakan projek peluasan Masjidil Haram yang terbesar pernah dilakukan dalam sejarah Islam.

Dijadual siap pada pertengahan tahun ini, projek dengan kos AS\$21.3 bilion itu terbahagi kepada tiga fasa yang turut merangkumi pembinaan bangunan tujuh tingkat mengandungi 74 dewan solat, sebuah dewan sembahyang utama seluas 250,000 meter persegi dan kawasan tawaf seluas 5,000 meter persegi.